

07/07/2002

Air: Malaysia mahu perjanjian baru

Jamhariah Jaafar

MALAYSIA sentiasa dilihat seolah-olah sering mengalah dalam sebarang isu membabitkan hubungannya dengan Singapura. Namun, sikap kompromi demi menjaga hubungan sesama jiran sudah pasti ada hadnya. Justeru, dalam isu air yang terus `duri dalam daging' kepada hubungan dua hala ini, Malaysia kini bertegas dalam pendiriannya - terima harga dan formula yang ditetapkan atau Singapura boleh mencari bekalan air di negara lain. Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, walaupun terus mengambil sikap diplomatik terhadap hubungan dengan Singapura, tapi insaf bahawa sumber air negara yang selama ini diperlekehkan oleh perjajjian 1961 dan 1962 yang begitu longgar dan perlu diperbetulkan kerana tidak menguntungkan Malaysia. Ikuti temubual wartawan Berita Minggu, Jamhariah Jaafar dengan beliau mengenai isu air yang kini mahu tidak mahu terpaksa diasingkan daripada pakej pelbagai isu sering menggugat hubungan Malaysia-Singapura.

Boleh Datuk jelaskan mengenai isu air yang kembali menjadi persoalan pokok bagi hubungan Malaysia-Singapura?

Malaysia berpendapat kita sekarang kena capai konsesus sebab soal ini sudah tertangguh lama. Soal kajian semula harga air patut diadakan pada 1986 dan 1987, iaitu tempoh dibolehkan membuat kajian semula mengikut Perjanjian Air Johor-Singapura 1961 dan 1962. Bagaimanapun, ketika itu kita tidak ada pusat rawatan air untuk membekalkan dengan cukup, kerana itu kita buat perjanjian dengan Singapura. Republik itu membina pusat rawatan di Linggiu mengikut perjanjian 1990 (antara Kerajaan Johor dan Lembaga Utiliti Awam (PUB) Singapura). Jika mengikut perjanjian itu, menjelang 2003 kita patut sudah `self sufficient', Kita sekarang mendapat bekalan dari empangan Linggiu.

Perjanjian asal iaitu pada 1961 dan 1962, adalah membabitkan bekalan air mentah kepada Singapura dari sumber Sungai Skudai, Sungai Tebrau dan Sungai Johor. Kita bekalkan mereka air mentah dan mereka membekalkan semula kepada kita air yang dirawat. Tapi pada masa depan, kita tidak perlu lagi membeli air dari Singapura kerana bekalan dari Empangan Linggiu sudah mencukupi. Di bawah perjanjian 1990, empangan itu patutnya sudah diserahkan semula kepada kita. Akhir 2002, saya fikir kita patut menerima empangan itu.

Datuk kita kembali pada persetujuan pertama kedua-dua pemimpin tertinggi untuk menyelesaikan semua masalah Malaysia-Singapura pada 1998 dan ia termasuk masalah air dalam satu pakej. Jadi mengapa timbul masalah sekarang?

Pada peringkat pemimpin perbincangan mengenai pakej tidak menimbulkan banyak masalah, ia cuma timbul apabila perbincangan `detail' pada peringkat pegawai selepas itu. Sekiranya ada `political will', ada kompromi, Malaysia sentiasa cuba berkompromi dan mencari penyelesaian. Ini begitu jelas kerana itu kita tidak menghadapi masalah itu untuk meleraikan segala isu ini sebagai satu pakej. Ini adalah langkah pertama Malaysia, seiring dengan perkataan `win-win situation' yang diharap dapat dicapai oleh kedua-dua Perdana Menteri.

Kemudian kami berharap dapat meminda Perjanjian Air 1961 dan 1962, dengan meminda struktur harga (seiring dengan peruntukan yang membolehkan Malaysia mengkaji semula harga selepas 25 tahun) yang terdapat pada kedua-dua perjanjian itu, di samping mengadakan satu lagi perjanjian baru untuk tempoh 100 tahun selepas perjanjian tamat pada 2061. Tapi Singapura berpendapat kedua-dua perjanjian sedia ada memang `legally binding'

(mengikat dari segi undang-undang, jadi tidak perlu perjanjian tambahan untuk meminda Perjanjian 1961. Bagi yang tidak faham, Perjanjian 1961 akan tamat pada 2011 dan Perjanjian 1962 akan berakhir pada 2061.

Jadi Malaysia hendak buat perjanjian supplementary (tambahan) bagi Perjanjian 1961 dan 1962, di mana kita mencadangkan struktur harga baru dengan penggunaan formula baru. Tapi bagi Singapura, pindaan dengan menggunakan perjanjian tambahan akan membawa kesan-kesan lain, jadi mereka tidak mahu dan terus bertegas bahawa perjanjian sedia ada sudah cukup untuk mengikat dari segi undang-undang. Jadi pada mesyuarat minggu lalu, saya berkata jika itu alasannya Malaysia akan menggugurkan cadangan mengadakan perjanjian tambahan untuk meminda struktur harga air, jom kita adakan satu perjanjian baru bila perjanjian berakhir pada 2061 nanti. Perjanjian pada 2011 pula bila ia tamat, biarkan ia mati begitu saja.

Perjanjian 1961 bila ia berakhir, biarkan ia mati juga dan kedua-dua negara mengadakan satu perjanjian baru. Ketika itu, Malaysia akan bekalkan kawasan baru dan akan menanggung sendiri semua kos infrastruktur dan akan bekalkan air dirawat kepada republik itu. Tapi mereka masih meminta untuk dibekalkan air mentah, jadi kita setuju.

Pada ketika semua orang ingat isu air ini selesai selepas kunjungan Menteri Kanan, Lee Kuan Yew, tahun lalu, di mana beliau setuju Singapura membayar pada harga 45 sen bagi setiap 4,540 liter (1,000 gelen), tetapi ternyata ia masih menjadi persoalan sehingga sekarang?

Ya, beliau setuju pada harga 45 sen tapi ia akan mula dari sekarang (2002) hingga 2011. Tamat perjanjian 2011, harga ditetapkan pada 60 sen sehingga 2061, dicampur dengan 100 tahun lagi. Tapi kita tidak bersetuju (dengan permintaan Kuan Yew). Mula-mula dia minta 30 sen seperti yang dijual kepada Melaka, tapi kita tak boleh sebab Melaka adalah negeri dalam Malaysia. Jadi dia cadang untuk bayar 50 peratus lebih daripada yang dijual kepada Melaka. Selepas perbincangan mereka setuju untuk bayar 100 peratus lebih tinggi dari Melaka iaitu 60 sen.

Apa yang Lee Kuan Yew hendak ketika itu ialah harga pada 45 sen sehingga tahun 2011 dan 60 sen mulai 2011 sehingga 2061, dan harga yang sama berterusan sehingga 100 tahun selepas itu.

Tapi syarat Malaysia pula ialah mereka perlu membayar 60 sen dari 2002 hingga 2007, dan dinaikkan kepada RM3 sehingga 2011. Selepas 2011 kita mahu struktur harga baru dengan menggunakan formula baru... itu yang mereka tidak setuju.

Pertama, mereka tolak cadangan kita untuk adakan perjanjian tambahan bagi meminda harga air, sedangkan dalam kedua-dua perjanjian itu terdapat peruntukan bahawa selepas 25 tahun Malaysia boleh mengkaji semula harga. Kita sebenarnya nak cantum kedua-dua perjanjian itu dengan satu formula sehingga 2061, kemudian mengadakan satu perjanjian baru bagi tempoh 100 tahun selepas itu.

Selepas Goh Chok Tong dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad setuju meleraikan semua isu dalam satu pakej pada 1998, berapa kali mesyuarat peringkat pegawai telah diadakan?

Beberapa kali, tetapi tidak pernah ada penyelesaian. Sekarang (pada mesyuarat peringkat Menteri Luar Isnin lalu) kita mempersembahkan kepada mereka ini bahawa ini adalah syarat dan syor kita, kami belum lagi duduk berunding secara serius. Pada mesyuarat itu, kita hanya menyerahkan syarat dan syor kita dalam bentuk dokumen. Kita tidak lagi cakap mengenai pakej, kerana tidak ada konsesus.

Boleh Datuk jelaskan sedikit syarat kita?

Syarat kita mudah, perjanjian tambahan air patut dibuat dan diasingkan dari pakej isu yang lain, kerana Singapura tidak mahu buat apa-apa pindaan. Tetapi oleh kerana ini hak kita untuk menyemak harga sudah pun terbit, maka kita akan menggunakan hak kita tanpa apa-apa pindaan mengikut

perjanjian sedia ada, dengan memberi notis kepada Singapura. Pakejnya hanya berkenaan perjanjian baru 100 tahun untuk membekalkan Singapura air dirawat dan sejumlah air mentah.

Kita juga patut di`backdated' (dibayar mulai) 1986 dan 1987, kerana ia adalah tarikh bagi tempoh 25 tahun yang membenarkan kita mengkaji semula harga air. Tapi kelihatannya ia tidak akan berlaku begitu.

Apakah harga yang kita cadangkan dalam syor terbaru ini?

Disebabkan mereka menolak cadangan kita kepada Lee Kuan Yew, iaitu 60 sen dan RM3 mengikut tempoh ditentukan, maka kita tidak memberi mereka sebarang harga. Ini adalah disebabkan kita dah beri harga dan mereka tidak bersetuju. Kita bagi harga dengan formula supaya syarat (tempoh 25 tahun) pada 1986 dan 1987 dipinda dengan mengadakan perjanjian tambahan. Selepas 2011, kita akan menggunakan formula baru untuk tentukan harga hingga 2061 dan seterusnya.

Apakah formula yang bakal kita gunakan?

Formula kita mudah, kita akan pakai Indeks Pengguna (CPI) Malaysia dan Singapura, tarif air, bayaran di Malaysia dan Singapura, inflasi dan lain-lain... ada mekanisme untuk mengira harga terbabit.

Datuk, kelihatan Malaysia dalam banyak hal beralah kepada Singapura?

Tapi dalam hal ini kita tidak berkompromi kerana itu kita bertegas iaitu Malaysia setuju untuk membekal tapi bagaimana mereka hendak? Singapura antara lain berkata, harganya mestilah kompetitif dan komersil, jadi saya setuju.

Dan selepas 2061, jika Singapura tidak mahu mengadakan perjanjian baru, kita tidak menghadapi masalah... terserah pada mereka. Kalau mereka tidak bersetuju (untuk membeli air Malaysia) itu hak mereka. Kita sekarang hendak menggunakan hak kita untuk menyemak harga air pada 1961 dan 1962, kerana peruntukan 25 tahun yang membolehkan kita menyemak semula harga air itu sudah terbit. Persoalan sama ada kita atau Singapura akan menandatangani perjanjian baru selepas 2061 nanti, tidak patut disentuh dan dikaitkan.

Jadi bila mereka berkata, tidak perlu Malaysia mengadakan perjanjian tambahan kerana Perjanjian 1961 dan 1962 sudah cukup mengikat mengikut undang-undang, kita setuju. Cuma sekarang kita laksanakan hak kita mengikut perjanjian sedia ada. Jadi disebabkan harga yang kita beri dia tidak setuju, bila kita ke Singapura bulan depan kita akan bagi harga baru.

Jadi kita akan ke Singapura dengan formula baru?

Terdapat dua perkara, kita akan ke Singapura dengan formula awal yang kita akan pinda sedikit, kerana pada 2007 kita akan guna formula baru. Asalnya kita kata 60 sen bagi tempoh 1986-2007, kemudian dari 2007 hingga 2011 - RM3, selepas itu kita akan gunakan formula yang kita cadangkan tadi, termasuk membabitkan harga selepas pada 2061 nanti.

Kesimpulannya, kita sudah cadangkan diadakan perjanjian tambahan (bagi kajian semula harga selepas 25 tahun yang berakhir pada 1986 dan 1987) dan perjanjian baru (selepas 2061). Bila kita persembahkan pada mereka dan mereka tidak setuju dengan alasan Perjanjian 1961 dan 1962 sudah cukup mengikat. Jadi itu menjadi satu masalah kepada Singapura, Malaysia akan menarik keluar Perjanjian 1961 dan 1962 dari pakej dan jadikan ia satu perbincangan berasingan yang tidak ada kena mengena dengan pakej. Jadi sekarang bila kami ke Singapura, kami sudah pun sediakan notis penyemakan harga.

Adakah Datuk melihat isu air dan isu-isu lain dapat diselesaikan dengan baik?

Dalam mana-mana perundingan sudah tentu kita mempunyai `a lot of goodwill', kemahuan dan kita mesti ada kehendak politik kita hendak cari penyelesaian muktamad, hanya dengan itu kita boleh bergerak selangkah lagi

dalam hubungan dua hala kita. Dan isu-isu ini tidak boleh terus menjadi isu tertunggak yang sentiasa membawa pertikaian atau perselisihan antara Malaysia dan Singapura. Dalam pakej yang dicadangkan sebenarnya terdapat hanya empat isu dan ia tidak boleh dipisah-pisahkan terutama selepas kedua-dua pemimpin tertinggi sudah setuju supaya ia dilihat sebagai satu kumpulan pakej. Semua isu itu perlu diselesaikan secara bersama. Tapi perkara membabitkan air, ia (perlu dibincang berasingan) adalah kerana ia membabitkan banyak perkara yang begitu rumit, terutama selepas perjanjian sedia ada berakhir pada 2061, di mana Malaysia tidak mahu menyambung perjanjian sedia ada sebaliknya hanya akan bersetuju sekiranya satu perjanjian baru dimeterai.

Dalam isu air ini walau apapun yang kita putuskan, kita hanya akan putuskan jika ia tidak akan merugikan Malaysia. Dan ia mesti berasas kepada syarat yang komersial dan kompetitif, supaya Malaysia berasa penjualan air itu adalah munasabah dan mendatangkan manfaat, manakala Singapura pula berasa puas hati harga yang dia bayar adalah suatu harga yang dia dapat terima. Tidak ada paksaan untuk menyambung selepas 2061.

Tapi perjanjian baru (jika ada) ia perlu digaris dengan teliti. Kalau kita nak memastikan masa depan generasi akan datang mungkin 100 atau 200 tahun akan datang, kita mesti tentukan ia tidak akan tercetus persoalan, (seperti yang berlaku sekarang). Jadi apa juga yang kita putuskan ia mesti 'able to withstand the test of time', dengan mengambil kira faktor di masa depan, Formulanya juga masih perlu dibincangkan.

Kita sudah mula berbincang, dengan masing-masing membentangkan pendapat dan cadangan, tapi kita tidak boleh berhentikan momentum rundingan... kita kena teruskan. Ketika ini, kita masih lagi pada tahap yang belum ada kata sepakat, masih meninjau, mengkaji. Kalau boleh selesai ok, tapi kalau tak boleh selesai kita kenalah hidup dengan keadaan sedemikian.

Apakah sebab sebenar perbincangan diadakan beberapa kali ini gagal mencapai kata sepakat?

Sebenarnya, hanya persetujuan antara pemimpin adalah untuk membincangkan secara pakej. Selain daripada itu perkara terperinci tiap-tiap persoalan yang menjadi pakej ditinggalkan pada peringkat pegawai. Selepas beberapa perbincangan ia tidak bergerak, lepas tu kedua-dua pemimpin membuat keputusan supaya rundingan diadakan pula pada peringkat menteri dan pegawai. Jadi di sini kita membentangkan secara terperinci kedudukan masing-masing. Kita kena bagi peluang, selepas perbincangan di Malaysia, kita kena tengok bagaimana di Singapura nanti.

Kita ingin mencapai persetujuan antara kedua-dua pihak, tapi kita tidak akan mengatakan mudah untuk kita mencapai penyelesaian dalam pakej ini melainkan kalau ada ruang atau kompromi. Malaysia menawarkan sesuatu, jadi Singapura kena lihat tawaran yang dibuat Malaysia.

Selain daripada tawaran itu, kita mempunyai perjanjian sedia ada berkenaan air. Kita sudah memberitahu bahawa kita tidak mahu menyambung perjanjian ini, tapi kita sedia untuk memasuki perjanjian baru untuk menjual air ke Singapura, di mana bekalannya dari sumber yang lain dan kita sendiri akan mengambil beban kos untuk menyediakan kemudahan infrastruktur bagi sumber baru itu untuk dipaipkan ke Singapura. Ini adalah kerana kita juga perlu merancang keperluan air untuk Malaysia sekurang-kurangnya bagi 100 atau 200 tahun akan datang.

Kita tidak lagi bergantung untuk mendapat bekalan air dirawat dari Singapura dan kita juga menggalakkan Singapura untuk tidak semata-mata bergantung bekalan air dari Malaysia. Dan mereka memberitahu keperluan kepada air dirawat semakin lama semakin berkurangan kerana mereka sendiri sudah membina kemudahan untuk merawat air yang dipakai atau apa yang mereka panggil sebagai 'new water'. Jadi ini akan menjadikan mereka kurang pergantungan dan keperluan terhadap air dirawat dari Malaysia.

Jadi pada saya, oleh kerana Malaysia sentiasa mengambil sikap terbuka kita hendak mencapai persetujuan dengan negara jiran... tetapi kalau tidak dapat mencapainya, apa boleh buat. Ini bukan kerana kita tidak mahu, tapi di dalam semua ini memerlukan kompromi, sikap terbuka untuk merapatkan jurang... tapi buat masa ini jurang masih luas lagi.

Dan kita tidak dapat bergerak bagi berbincang perkara lain kerana yang pentingnya ialah masalah air. Isu CPF dia dah bersetuju, tapi Singapura pula (mengambil sikap) tidak akan meminda akta CPF ini melainkan ada persetujuan membabitkan perjanjian dan harga air, di samping masalah penggunaan ruang udara, tanah KTM... jadi sebenarnya semua isu ini tidak boleh terpisah antara satu sama lain. Jadi saya fikir, jurang masih lagi luas, ia hanya boleh diselesaikan kalau kita dapat satu formula yang dipersetujui kedua-dua negara.

Tetapi kelihatan sudah terdapat pendekatan serius ketika rundingan dibuat di Kuala Lumpur apabila Singapura bersetuju untuk mengkaji syor dan cadangan Malaysia. Jadi kita akan ke Singapura bulan depan untuk lihat apa yang akan berlaku.

Nota:

"Peruntukan bagi para (i) dan (ii) pada klausa sedia ada akan menjadi subjek untuk kajian semula selepas tamat tempoh 25 tahun daripada tarikh asal dan akan dikaji oleh kedua-dua pihak dalam usaha untuk sebarang perubahan dalam kuasa wang membeli yang mungkin berlaku dan fakta yang patut diambilkira membabitkan kajian seumpama termasuk `inter alia; yang mungkin meningkat atau menurun dalam kuasa membeli dan sebarang peningkatan atau kejatuhan dalam kos buruh, kuasa atau material bagi tujuan membekalkan air. Dalam sebarang kejadian berlaku pertelingkahan atau perbezaan di bawah peruntukan klausa ini, peruntukan yang sama akan dirujuk kepada penimbangtara seperti yang diperuntukkan."

- Terjemahan Perjanjian Air Johor-Singapura 1961 (Gunung Pulai, Sungai Skudaidan Sungai Tebrau) dan Perjanjian Air Johor-Singapura 1962 (Sungai Johor)